

◎ BERITA DI DALAM

Gadis cuba elak kucing maut dilanggar

Nasional 16

BH JOM!
Berita Harian BELAJAR
MANDARIN

**IKUTI SIRI
PEMBELAJARAN
BAHASA
MANDARIN
SECARA**



Keluarga penerima bantuan Yayasan MyKasih **membeli barang keperluan asas menggunakan MyKad** mereka di sebuah pasar raya di Kuantan.

Yayasan MyKasih sedia bantuan khas mangsa bah

Kuala Lumpur: Seramai 23,400 keluarga mangsa banjir di Pantai Timur akan menerima eluan bantuan khas sebanyak RM250 setiap keluarga daripada Yayasan MyKasih.

Mereka boleh menggunakan wang berkenaan untuk membeli barang keperluan asas dengan menggunakan MyKad di pasar raya terpilih. .

Jurucakap Yayasan MyKasih, berkata pihaknya mengambil inisiatif ini bagi membantu golongan berpendapatan rendah membina semula kehidupan mereka selepas bencana banjir.

Beli keperluan dapur

“Sebagai permulaan pasca banjir, penerima sumbangan boleh membeli perkakas da-

pur serta barang makanan asas mengikut cita rasa sendiri.

“Setakat ini, Yayasan MyKasih berjaya mengumpul dana RM5.85 juta yang akan disalurkan sepenuhnya kepada keluarga penerima yang sudah dikenal pasti,” katanya.

Sementara itu, keluarga mangsa banjir di Kuantan, Pahang sudah mula membeli barang keperluan di pasar raya Giant Kuantan.

Yayasan MyKasih adalah sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang ditubuhkan pada tahun 2009 oleh Tan Sri Dr Ngau Boon Keat dan isterinya Puan Sri Jean Ngau bertujuan membantu rakyat Malaysia yang kurang bernasib baik.